

KERAJAAN NEGERI PULAU PINANG

PENGUMUMAN

PEJABAT JURUTERA DAERAH,
JABATAN KERJA RAYA,
SEBERANG PERAI UTARA.

CABUTAN UNDI BAGI PEROLEHAN KERJA JKR.SPU/UNDI/6/2013.

Dimaklumkan bahawa Pejabat JKR, Daerah Seberang Perai Utara akan mengadakan Cabutan Undi bagi perolehan kerja Bil. 6/2013 seperti di bawah:-

Tarikh: 01 hb. Ogos 2013 (Khamis)

Masa: 9.00 pagi - 10.00 pagi : Semakan Pendaftaran
10.30 pagi : Cabutan Undi

Tempat: Pejabat Stor Pajak Song,
JKR Seberang Perai Utara,
Kepala Batas.

1. Cabutan Undi Bagi Perolehan Kerja Bil. 6/2013 ini **HANYA** terbuka kepada:
 - a) Kontraktor **Kelas G1** dari Daerah Seberang Perai Utara yang masih sah tempoh laku pendaftaran dengan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) di bawah tajuk **Kategori B Pengkhususan B24 atau Kategori CE Pengkhususan CE21 serta berdaftar dengan Sistem ePerolehan Kerajaan Negeri Pulau Pinang**
 - b) **Makluman** : Bagi Kontraktor yang telah mendapat kerja undi pada tahun 2013 di JKR Seberang Perai Utara tidak dibenarkan untuk menyertai undi ini.
2. Kontraktor yang layak dan berminat untuk menghadiri cabutan undi ini diwajibkan membawa perkara-perkara berikut untuk tujuan penyemakan iaitu:-
 - a) **Sijil asal dan satu salinan Perakuan Pendaftaran (PPK) yang masih sah tempoh laku.**
 - b) **Sijil asal dan satu salinan Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK) yang masih sah tempoh laku.**
 - c) **Sijil Taraf Bumi (STB)**
 - d) **Kad pengenalan dan cop rasmi syarikat.**
 - e) **Resit Asal pembayaran pendaftaran Sistem e-Perolehan**

3. **HANYA PEMILIK LESEN** yang dibenarkan menyertai cabutan undi, wakil tidak dibenarkan.
4. Kegagalan untuk mematuhi syarat-syarat yang ditetapkan di atas akan menyebabkan syarikat tuan/puan tidak dibenarkan menyertai Cabutan Undi tersebut dan sebarang rayuan tidak akan dilayan.
5. Sebarang pertanyaan berkaitan dengan Cabutan Undi ini boleh berhubung dengan **Puan Noor Hayathi binti Keling**.
Di talian : 04 - 5741388 / 04 - 5742388
(Waktu Pejabat : 8.00 pagi - 5.00 petang)

Sekian, terima kasih.

“CEKAP,AKAUNTABILITI, TELUS”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

Saya yang menurut perintah,

T.T

.....
(HJ. ISMAIL BIN MOHAMAD)

Jurutera Daerah,
Jabatan Kerja Raya,
Seberang Perai Utara.
ismailm@jkr.gov.my
04-575 3584

s.k: Pengarah Kerja Raya,
Jabatan Kerja Raya,
Tingkat 18 & 19 Komtar,
10000 Pulau Pinang.
U/p: Ketua Penolong Pengarah (Kontrak & Ukur Bahan)

Ketua Cawangan Pusat Khidmat Kontraktor,
Cawangan Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 8, Bangunan Gunasama Persekutuan,
Jalan Anson, 10400 Georgetown, P.Pinang.

Pejabat Tanah Dan Daerah,
Seberang Perai Utara,
Bertam, 13200 Kepala Batas,
Seberang Perai Utara.

s.k (cont'd)

Persatuan Pemborong-Pemborong Binaan Bumiputra Malaysia,
118C, Jalan Seang Teik,
10400 Georgetown, Pulau Pinang.

Ketua Cawangan,
Cawangan Pembangunan Usahawan,
Negeri Pulau Pinang,
Tingkat 1, BTSP,
Pulau Pinang.

Bani/Kerja Undi 6/2013